KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2011

16 Januari 2011

Dalam ucapan alu-aluan beliau pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi Institut Kestabilan Kewangan (Financial Stability Institute, FSI) - Mesyuarat Eksekutif Bank-Bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) bagi Penyelia-penyelia Perbankan, Gabenor telah menyatakan beberapa mesej utama. Beliau menyatakan dengan pasaran kewangan yang dinamik pada masa ini, interaksi dan perbincangan yang lebih berkesan antara penggubal dasar dengan industri, baik di dalam negeri mahupun merentas sempadan adalah penting untuk mewujudkan kesedaran yang lebih meluas tentang isu utama kestabilan kewangan. Interaksi dan perbincangan ini akan mempertajam penilaian penyeliaan dan pertimbangan pengurusan serta menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang. Beliau menambah prospek yang lebih baik bagi kestabilan kewangan global yang lebih meluas bergantung pada komitmen berterusan terhadap keutamaan-keutamaan ini. Beliau menekankan bahawa matlamat akhir adalah untuk memperkukuh kemampuan para penggubal dasar secara kolektif bagi menjangka dan bertindak balas secara berkesan terhadap perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan dalam tempoh yang penuh dengan cabaran pada masa ini dan juga pada masa hadapan.

19 Januari 2011

Bank mengumumkan pelancaran Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang lebih berkesan dalam kalangan anggota masyarakat. Program POWER! ini disasarkan pada golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman dengan tujuan untuk meningkatkan kemampuan mereka untuk menguruskan kewangan secara berkesan. Ini kemudiannya akan menyumbang ke arah menggalakkan perlindungan yang lebih baik bagi pengguna kewangan dan sektor isi rumah yang lebih berdaya tahan. Program yang dikendalikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini disediakan secara percuma di seluruh negara dan program ini memberi individu-individu pengetahuan dan kemahiran kewangan secara praktikal serta instrumen yang dapat membantu membuat keputusan kewangan yang bijak.

27 Januari 2011

Pada mesyuaratnya yang pertama untuk tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate ,OPR) pada 2.75 peratus. MPC menyatakan bahawa pada masa ini, pendirian dasar monetari semasa adalah wajar dan konsisten dengan penilaian terkini prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi. MPC menambah bahawa pendirian dasar monetari akan terus akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada hari yang sama, Bank juga mengumumkan pelantikan tiga Penolong Gabenor yang baharu; Encik Donald Joshua Jaganathan, Encik Abu Hassan Alshari Yahaya dan Encik Marzunisham bin Omar berkuat kuasa 1 Februari 2011.

18 Februari 2011

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8% pada suku keempat tahun 2010, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Perbelanjaan penggunaan swasta dan perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam negeri. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku tersebut, kecuali sektor komoditi utama, khususnya sektor pertanian dan perlombongan. Bagi keseluruhan tahun tersebut, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 7.2%. Kadar inflasi keseluruhan meningkat sebanyak 2% pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi.

21 Februari 2011

Dalam ucaptama beliau pada Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah dipertingkatkan di Kuala Lumpur, Gabenor menyatakan bahawa terbitan sukuk global pada tahun 2010 mengatasi tahun sebelumnya sebanyak 20 peratus. Beliau menambah bahawa tahun 2010 juga menyaksikan evolusi Malaysia sebagai platform originasi terbitan sukuk pelbagai mata wang dengan empat terbitan sukuk mata wang asing berjumlah kira-kira USD3 bilion. Seterusnya beliau menambah bahawa pelancaran Indeks Syariah Kerajaan Bursa Malaysia (Bursa Malaysia Souvereign Shariah Index, BMSSI) menandakan satu lagi pencapaian penting dalam persekitaran kewangan Islam Malaysia dan selanjutnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran sukuk di dunia.

24 Februari 2011

Bank Negara Malaysia sekali lagi menerima anugerah ”Bank Pusat Terbaik dalam Menggalakkan Kewangan Islam” pada Majlis Anugerah Berita Kewangan Islam 2011 yang berlangsung di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Ini merupakan tahun keenam berturut-turut Bank memenangi anugerah ini, sejak dimulakan pada tahun 2005.

11 Mac 2011

Pada mesyuarat kali keduanya bagi tahun 2011, MPC Bank Negara Malaysia mengekalkan OPR pada kadar 2.75%. Melangkah ke hadapan, MPC menyatakan bahawa pendirian dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi, namun, tahap dasar monetari yang akomodatif mungkin perlu dikaji semula berikutan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan wujudnya risiko kepada inflasi. Ini bagi memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan.

Sebagai langkah awalan untuk menguruskan risiko pertambahan mudah tunai (yang berpunca daripada aliran masuk modal besar-besaran ke dalam ekonomi sedang pesat membangun khususnya Asia) daripada mengakibatkan ketidakstabilan makroekonomi dan kewangan, Bank juga mengumumkan kenaikan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 1.00% kepada 2.00% berkuat kuasa 1 April 2011. Oleh itu, kenaikan SRR adalah sebagai instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan bukan menandakan pendirian dasar monetari.

Pada hari yang sama, Bank juga mengumumkan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu bagi menangani kebimbangan premium yang tinggi dan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada perlindungan motor. Rangka kerja baharu ini akan meningkatkan kecekapan dalam penyediaan polisi perlindungan motor dan akan memastikan akses yang lebih besar bagi orang ramai untuk membeli insurans motor pada harga berpatutan. Orang ramai juga akan memperoleh manfaat daripada perkhidmatan yang lebih baik dan pembayaran tuntutan insurans yang lebih cepat. Di

bawah rangka kerja baharu ini, premium insurans bagi beberapa kategori kenderaan bermotor akan diselaraskan secara berperingkat bermula Januari 2012 sepanjang empat tahun. Rangka baharu ini juga akan meningkatkan kecekapan penyelesaian tuntutan motor dengan mengurangkan tempoh purata daripada satu hingga lima tahun sekarang ini kepada enam hingga 18 bulan .

18 Mac 2011

Bank mengumumkan langkah-langkah baharu kad kredit sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemat dalam kalangan pengguna selain amalan perniagaan yang bertanggungjawab oleh pengeluar kad kredit, dengan infrastruktur keselamatan terus ditambah baik. Berkuat kuasa serta-merta, keperluan kelayakan pendapatan tahunan minimum untuk kad kredit dinaikkan kepada RM24,000 daripada RM18,000 sebelumnya. Selanjutnya, pemegang kad yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang, hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar sahaja dengan had kredit mereka dibataskan kepada dua kali ganda pendapatan bulanan mereka bagi setiap pengeluar. Selain itu, pengeluar kad kredit dikehendaki bersikap wajar, telus dan bertanggungjawab dalam memasarkan dan menawarkan kemudahan kad kredit kepada pengguna. Ini termasuk tidak membenarkan pengeluar kad kredit; menaikkan had kredit tanpa persetujuan pemegang kad dan; menawarkan pendahuluan kredit dalam bentuk cek berbayar kepada pemegang kad melainkan pemegang kad telah memohon untuk pendahuluan tersebut. Seterusnya, berkuat kuasa 1 Januari 2012, pengeluar kad kredit akan melaksanakan pemberitahuan transaksi melalui sistem pesanan ringkas (Short Messaging Service, SMS) kepada pemegang kad mereka selepas transaksi dilakukan. Ini akan disusuli dengan pelaksanaan pengesahan nombor pengenalan peribadi (Personal Indification Number, PIN) untuk semua transaksi kad mulai 1 Januari 2015.

23 Mac 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan penerbitan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bagi tahun 2010. Pada sidang akhbar berkenaan, Gabenor menyatakan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010 dengan pengembangan sebanyak 7.2%. Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang teguh, dengan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus menyokong ekonomi dalam negeri melalui program untuk menambah baik infrastruktur negara dan sistem penyampaian sektor awam. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2010 dengan sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan. Peningkatan inflasi pada tahun 2010 didorong oleh faktor penawaran yang berpunca daripada harga makanan dan komoditi yang lebih tinggi serta langkah pengurangan subsidi. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kekal rendah dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) berpurata pada 1.7%. Bagi prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2011, Gabenor mengatakan bahawa ekonomi diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 5-6%, manakala inflasi dijangka berpurata pada 2.5 - 3.5%.

Bagi sistem kewangan, Gabenor menyatakan bahawa sistem kewangan Malaysia terus stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pengantaraan kewangan terus cekap dan menyeluruh pada tahun 2010, disokong oleh pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur. Sistem perbankan Islam terus berdaya tahan, disokong oleh permodalan yang tinggi, kualiti aset yang bertambah baik dan keberuntungan yang mampan dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Sistem pembayaran dan penyelesaian juga kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar, menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan pengekalan keyakinan orang ramai. Gabenor memaklumkan bahawa keutamaan dalam agenda pembangunan pada tahun 2011 ialah Bank akan memberi tumpuan pada pelaksanaan rangka tindakan sektor kewangan baharu yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan Malaysia bagi menyokong keperluan perniagaan dan pengguna ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.